

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002  
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN II - MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA**

---

**Seksyen 21. Minit.**

- (1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala mesyuarat Majlis.
  - (2) Pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang diperlukan.
  - (3) Minit itu hendaklah dicatatkan dalam buku minit Majlis dan hendaklah mengandungi rekod kata demi kata penuh bagi tiap-tiap ketetapan yang dibuat oleh Majlis.
  - (4) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas tiap-tiap mesyuarat Majlis, suatu salinan draf minit itu hendaklah dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong, dan jika semasa draf minit itu disahkan minit itu dipinda, Yang di-Pertuan Agong hendaklah dengan segera dimaklumkan tentang pindaan yang dibuat.
  - (5) Tiada keputusan yang dibuat dalam mana-mana mesyuarat Majlis boleh diambil tindakan sehingga minit mesyuarat itu disahkan atau, jika tindakan perlu diambil sebelum minit itu disahkan, Yang di-Pertuan Agong telah menandakan perkenannya secara bertulis.
-